

KAEDAH MENINGKATKAN KESEDARAN MENUTUP AURAT DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH

(Methods to Raise The Awareness of Covering the Aurah among Primary School Pupils)

Muhamad Zahiri Awang Mat¹, Zariah Zakaria Zabariah Ahmad², Siti Salwa Md. Sawari³

ABSTRACT

Islam sets out guideline to the believer in order to distinguish themselves with the non-Muslims, whether in traditional, religious or personal. One of the significant difference is guidelines for covering aurah. This study aims to discover awareness in covering aurah, expose and educate standard six student in protecting their aurah according to Islamic teaching obligate the Islamic Law. Observation and interview were used in this study. The sample consisted of 10 standard six students and four teachers. Overall, the study showed that some girls have practically cover their aurah, while others only cover when learning of Islamic subject. After the Islamic subject lesson finish, there are students who open their scarf. During the Physical subject exercise activities and co-curricular activities, more students choose not to cover their aurah. Through the interview, teachers proposed several method to increase awareness among student in cover aurah, there are; "Role model" to students, using power, campaigns and workshops, giving gift and Da'wah Fardiyah. Keywords: Aurah, teacher of Islamic education.

Keywords: Aurah, Teaching, Islamic Education.

ABSTRAK

Agama Islam menggariskan satu panduan kepada umatnya untuk membezakan diri mereka dengan orang-orang bukan Islam, sama ada dalam adat, ibadat mahupun peribadi. Salah satu perbezaan yang ketara ialah garis panduan pemeliharaan aurat. Kajian ini bertujuan untuk melihat kesedaran menutup aurat seterusnya memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada murid tahun enam khususnya, dalam penjagaan aurat yang merangkumi pensyariatkan pakaian yang memenuhi tuntutan syariat Islam. Kaedah pemerhatian, dan temubual telah digunakan dalam kajian ini. Sampel kajian terdiri daripada 10 orang tahun enam dan 4 orang guru yang telah dipilih oleh sebagai responden. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan sebahagian murid perempuan telah menutup aurat dengan sempurna, manakala sebahagian lagi hanya menutup aurat ketika belajar Pendidikan Islam.

¹ Pensyarah, Kulliyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur, Selangor, Malaysia. email:zahirimat@gmail.com

² Pelajar, Kulliyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur, Selangor, Malaysia. Email furqan89@ymail.com.

³ Pelajar, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur, Jalan Sultan Yahya Petra (Jalan Semarak), 54100 Kuala Lumpur, email salwa.sawari@gmail.com.

Selepas habis waktu Pendidikan Islam, terdapat murid yang membuka tudung. Sewaktu menjalankan aktiviti Pendidikan Jasmani dan kegiatan ko- kurikulum lebih ramai murid yang tidak menutup aurat dengan sempurna.. Para guru mencadangkan, "Role model" kepada Murid, menggunakan Kuasa, kempen dan Bengkel, memberi Hadiah dan Dakwah Fardiyah.

Kata kunci: Aurat, Pengajaan, Pendidikan Islam.

PENDAHULUAN

Allah SWT telah menetapkan kewajipan menutup aurat bagi seluruh umat Islam. Islam telah menggariskan panduan untuk memenuhi kewajipan menutup aurat (Suhid, Zain, Faizal, Ahmad, Noh, & Aderi, 2013). Kewajipan menutup aurat ini adalah untuk memelihara maruah, kehormatan serta menghindari diri Muslim daripada kejahatan dan dosa melalui firmanNYA;

Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka'.

(Surah al-Nur : 31)

Aurat menurut fiqh bermaksud bahagian tubuh badan seseorang yang wajib ditutup atau dilindungi dari pandangan mata seseorang yang bukan mahram. Cara berpakaian yang sempurna bagi seorang wanita Muslim mengikut syara' boleh dilihat dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu dan perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar); cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi MahaMengasihani.

(Surah al-Ahzab: 59)

Tanggungjawab menutup ini meliputi pemakaian yang dipakai hendaklah dalam keadaan labuh longgar, dan menutup warna kulit anggota aurat dari kelihatan. Secara keseluruhannya, mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali telah menetapkan bahawa aurat bagi lelaki adalah antara pusat dan lutut manakala bagi wanita adalah keseluruhan tubuhnya kecuali muka dan tapak tangan berdasarkan nas al-Quran dan as-Sunnah (Asmawati Suhid, Mohd Faizal Mohd Zain, Abdul Muhsin Ahmad & Mohd Aderi Che Noh, 2013).

REFLEKSI / PERNYATAAN MASALAH

Pertama sekali guru ingin menyatakan perasaan yang agak terkilan, apabila mendapati masih ramai anak didik yang masih tidak menutup aurat dengan sempurna. Tuntutan

dan konsep menutup aurat jelas kurang difahami oleh murid sekolah rendah, khususnya perempuan. Contohnya berdasarkan pemerhatian, didapati sebahagian murid perempuan tahun enam hanya menutup aurat dan memakai tudung ketika berada di dalam kelas sewaktu pengajaran dan pembelajaran mata muridan Pendidikan Islam sahaja. Walau bagaimanapun hal yang sama tidak berlaku sewaktu pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran lain.

Lebih menduka citakan, pengabaian menutup aurat semakin berleluasa ketika murid melakukan aktiviti pendidikan jasmani dan kegiatan ko-kurikulum. Dengan hanya mengenakan baju sukan berlengan pendek, seluar ketat “ *tight* ” dan tidak bertudung, murid bebas melakukan aktiviti dalam sekolah. Dalam erti kata lain, masih ramai dalam kalangan murid Islam tahun enam yang mengabaikan prinsip menutup aurat dan menyatakan perkara tersebut sesuatu yang meremehkan.

Oleh yang demikian, permasalahan ini telah mendorong pengkaji untuk membuat kajian mengenai “Cara meningkatkan Kesedaran Menutup Aurat Dalam Kalangan Murid Tahun Enam” Ini kerana murid merupakan generasi akan datang yang bakal dijadikan contoh tauladan kepada anak bangsa supaya menjadi seorang warga yang berguna untuk agama, bangsa dan negara. Kajian ini turut dilakukan untuk melihat persepsi, pengetahuan dan kesedaran amalan murid dalam menutup aurat.

KAJIAN SOROTAN

Kaedah menggalakkan menutup aurat

Kesedaran tentang tuntutan menutup aurat mesti diterapkan sejak kecil supaya tuntutan agama itu sehati dengan cara hidup seorang Muslim. Dengan demikian, kaedah yang sesuai mesti diterapkan kepada pelajar supaya tuntutan itu tidak dilihat seperti paksaan bahkan didikan yang memartabatkan harga diri seseorang. Didikan ibu bapa merupakan faktor yang paling berkesan kepada pelajar-pelajar di tiga buah sekolah menengah agama daerah Pekan mengenai aurat (Saadah, 2012). Fakta ini menunjukkan bahawa kaedah didikan ibu bapa atau dari rumah merupakan kaedah yang paling sinonim dan dekat di hati pelajar-pelajar dalam menegenahkan perihal aurat. Oleh yang demikian, tidak dapat dinafikan lagi bahawa didikan ibu bapa merupakan salah satu cara bagi meningkatkan lagi kesedaran menutup aurat di kalangan pelajar.

Sektor Dakwah dan Kepimpinan, Bahagian Pendidikan Islam di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia adalah badan khusus bagi menghidupkan prinsip-prinsip Islam di sekolah-sekolah. Antara modul utama Bulan Dakwah Sekolah-Sekolah ialah kempen menutup aurat dengan sempurna (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Menariknya kempen ini adalah ianya mengfokuskan untuk menutup aurat dengan sempurna, bukan hanya menutup aurat sekadarnya tetapi mendedahkan kaedah yang sepatutnya dipraktikkan. Ini merupakan salah satu kaedah yang mudah untuk diterima pelajar, sehubungan dengan itu ianya dimasukkan dalam perancangan bagi meningkatkan kesedaran menutup aurat di sekolah. Selain itu, bidang animasi kanak-kanak juga mampu meningkatkan kesedaran pelajar untuk menutup aurat. Sebagai contoh, animasi Upin dan Ipin. Berdasarkan kajian Noor Aida dan Nasihah (2015), watak Kak Ros menampilkan pakaian yang boleh dipakai di dalam (t-shirt dan seluar) dan luar rumah (bertudung litup, memakai pakaian yang sopan dan menutup aurat). Watak Yaya dalam animasi Boboiboy juga menekankan aspek menutup aurat. Bidang animasi merupakan pendukung kepada kesedaran untuk menutup aurat jika ianya mengambil

berat tentang aurat kerana animasi tersebut adalah hiburan berbentuk sihat lagi mendidik masyarakat terutama pelajar.

Peranan pendidik penting bagi menjana iklim dini di sekolah (Ruzain Syukur, 2015). Iklim dini disini merujuk kepada suasana di sekolah yang memberi penumpuan mengenai kehidupan beragama. Dengan itu, iklim dini berupaya menyumbang kepada peningkatan kesedaran untuk menutup aurat di kalangan pelajar dengan peranan guru. Berdasarkan kepada Nur Suhada (2014), iklan kesedaran menutup aurat menggunakan grafik komputer 3D lebih menarik perhatian golongan dewasa dan kanak-kanak kerana ianya memberikan input yang ringkas dan padat. Secara kasarnya, iklan dengan menggunakan grafik komputer 3D memerlukan lebih banyak dana kerana ianya terlibat dengan arus teknologi yang berkembang pesat. Namun, kesannya mampu memberi impak yang besar kepada masyarakat, khususnya pelajar-pelajar. Bagi merealisasikan dalam meningkatkan kesedaran menutup aurat, kaedah ini memerlukan lebih banyak sokongan dari segi kewangan. Sokongan tersebut amat penting, terutamanya dari pihak kerajaan dan badan-badan berkaitan serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

Selain daripada itu, menurut Asmawati Suhid, Mohd Faizal Mohd Zain, Abdul Muhsin Ahmad dan Mohd Aderi Che Noh (2013) setiap individu perlu mengetahui sesuatu hukum dan melaksanakannya. Oleh itu, mereka akan mempunyai kefahaman yang tinggi berbanding dengan individu yang hanya mengetahui tetapi tidak mengamalkannya. Kesedaran setiap Muslim dalam hal ini amat penting agar mereka dapat melaksanakan kewajipan menutup aurat secara tepat sebagaimana yang dituntut oleh syara'. Di samping itu, mereka haruslah memahami, menghayati dan mengamalkan cara menutup aurat seperti yang dikehendaki dan bertepatan dengan syariat Islam. Umat Islam juga haruslah istiqamah dengan amalan menutup aurat.

Farahwahida Mohd Yusof dan Nur Afzan Muhamad (n.d) pula berpendapat bahawa dengan adanya penguatkuasaan dan penetapan peraturan cara berpakaian oleh pihak pentadbiran universiti, universiti bukan sahaja berperanan sebagai tempat menuntut ilmu, malah turut berfungsi sebagai tempat pembudayaan ilmu, di mana ilmu agama yang dimuridi dapat diamal dan dibudayakan sebagai cara hidup masyarakat kampus. Selain itu, pihak Jabatan Agama Islam di setiap negeri haruslah merancang dan mengadakan kempen-kempen kesedaran, ceramah-ceramah serta penguatkuasaan berkenaan penutupan aurat kepada umat Islam. Mohd Nor Mamat (1999) berpendapat bahawa pelaksanaan sistem perundangan dan integrasi pendidikan yang menyeluruh dapat membantu menggalakkan penutupan aurat di samping pengharaman penglibatan wanita Islam yang tidak menutup aurat di media massa dan media cetak melalui akta media cetak dan penyiaran negara. Sistem perundangan negara khususnya Akta Media Cetak dan Elektronik perlu diislamisasikan untuk mengatasi pengeksploitasian aurat wanita.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif Am

Objektif kajian ini adalah:

1. Mengetahui tahap kesedaran murid dalam menutup aurat.
2. Mengetahui cara-cara untuk menarik kesedaran murid supaya menutup aurat dengan sempurna.

Tujuan kajian ini adalah untuk meningkatkan bilangan murid yang menutup aurat dengan sempurna.

Fokus Kajian

Walaupun sebahagian murid telah memakai tudung, pengkaji memfokuskan kajian ini kepada kesempurnaan menutup aurat. Antara kekeliruan yang sering berlaku dalam kalangan murid ialah :

- Bertudung tetapi memakai baju sukan lengan pendek.
- Berpakaian sukan ketat “ *tight* ”
- Memakai uniform sekolah tanpa baju dalam.
- Melipat lengan baju hingga ke siku.

Kajian ini adalah penting bagi memastikan murid benar-benar memahami konsep menutup aurat dengan sempurna.

METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang melibatkan pemerhatian dan temubual untuk mendapatkan data. Kumpulan sasaran terdiri daripada 10 orang murid perempuan tahun enam dan empat orang guru. Kajian ini melibatkan responden murid tahun enam kerana murid yang telah baligh khususnya mendapat kesedaran tentang kewajipan menutup aurat dengan sempurna.

Pemerhatian

Pengkaji telah membuat pemerhatian terhadap 30 orang responden yang terpilih semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas juga semasa aktiviti pendidikan jasmani dan kegiatan ko-kurikulum di luar kelas. Pengkaji dapati masih ramai murid perempuan yang tidak menutup aurat dengan sempurna.

Temubual

Temubual dilakukan sendiri oleh pengkaji bagi mengenal pasti masalah dari segi :

- Tahap kesedaran murid tentang kewajipan menutup aurat.
- Cara meningkatkan keedaran menutup aurat

Perbincangan telah diadakan bersama guru-guru panitia Pendidikan Islam yang lain dalam mesyuarat panitia bagi mengenal pasti punca dan cara menyelesaikan masalah yang dihadapi.

HASIL KAJIAN

Analisis Pemerhatian

Berdasarkan pemerhatian terhadap kumpulan responden, pengkaji mendapati sebahagian murid perempuan telah menutup aurat dengan sempurna, manakala sebahagian lagi hanya menutup aurat ketika belajar Pendidikan Islam. Selepas habis waktu Pendidikan Islam, terdapat murid yang membuka tudung. Sewaktu menjalankan aktiviti Pendidikan Jasmani dan kegiatan ko- kurikulum lebih ramai murid yang tidak menutup aurat dengan sempurna.

Analisis Perbincangan

Melalui perbincangan yang diadakan bersama guru-guru Pendidikan Islam, beberapa cadangan telah dikemukakan bagi mengatasi masalah ini :

- “ *Role model* ” kepada Murid

Mulakan dari diri kita sendiri sebagai seorang pendidik. Sempurnakan lah aurat diri, mudah-mudahan menjadi ikutan bagi murid kita. Jika dulu pakaian menutup aurat hanya sinonim dengan ustazah, kini pakaian menutup aurat sesuai dalam semua profesyen dan aktiviti. Buktikan juga dengan menutup aurat secara sempurna, akhlak kita akan lebih terjaga serta pergaulan kita terpelihara.

- Menggunakan Kuasa

Pihak sekolah boleh menetapkan peraturan sekolah dengan mewajibkan murid tahap dua memakai tudung. Tindakan ini secara tidak langsung dapat menggalakkan murid memakai tudung semasa di sekolah juga di luar sekolah.

- Kempen dan Bengkel

Bengkel dan kempen menutup aurat merupakan contoh yang sangat baik dalam usaha mengajak murid menutup aurat. Penghasilan risalah, poster, artikel, *badge* dan juga buku boleh menarik minat dan kesedaran murid untuk menutup aurat.

- Memberi Hadiah

Hadiahkan murid dengan tudung, pakaian yang menutup aurat atau buku berkaitan aurat. Siapa tahu hatinya akan terbuka untuk berubah dengan pemberian tersebut. Di sekolah Panitia Pendidikan Islam juga boleh menyediakan tudung alternatif bagi murid yang memberi alasan tertinggal tudung ataupun tudung basah.

- Dakwah Fardiyah

Berbicara lah dari hati ke hati. Jika hati kita telah dekat dengan seseorang, ia pasti menjadi satu jalan yang mudah untuk kita telusuri hatinya dan mengajaknya ke arah perubahan positif.

Berdasarkan penemuan ini dapatlah di fahami bahawa guru memainkan peranan penting dalam mendidik anak-anak murid mereka tentang tuntutan menutup aurat. Peranan guru sebagai role model dan contoh tauladan hendaklah di tonjolkan dengan baik. Ini bertepatan dengan pandangan yang dikemukakan oleh Tamuri dan Ajuhary (2010) di dalam artikel mereka bertajuk "Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu 'allim". Bukan itu sahaja guru juga hendaklah bijak bertindak dalam memberi galakan kepada murid untuk melaksanakan tuntutan menutup aurat ini. Peranan yang di mainkan oleh para guru amatlah besar selain daripada sokongan daripada ibu dan ayah di rumah. Dengan terlaksanakannya program-program sampingan di sekolah akan menambah lagi kekuatan dan kefahaman murid-murid akan perkara ini.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan sebahagian murid perempuan telah menutup aurat dengan sempurna, manakala sebahagian lagi hanya menutup aurat ketika belajar Pendidikan Islam. Selepas habis waktu Pendidikan Islam, terdapat murid yang membuka tudung. Sewaktu menjalankan aktiviti Pendidikan Jasmani dan kegiatan ko- kurikulum lebih ramai murid yang tidak menutup aurat dengan sempurna.. Para guru mencadangkan, "Role model " kepada Murid, menggunakan Kuasa, kempen dan Bengkel, memberi Hadiah dan Dakwah Fardiyah. Beberapa cadangan untuk kajian seterusnya adalah seperti berikut : Pendedahan awal adalah amat perlu supaya murid lebih bersedia dan benar-benar memahami konsep menutup aurat dengan sempurna. Cadangan-cadangan yang telah diusulkan perlulah dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan secara berterusan. Hasil daripada kajian yang dijalankan, pengkaji dapati terdapat perubahan yang positif dari segi amalan menutup aurat dalam kalangan murid tahun enam. Semoga hasil kajian ini dapat dimanfaatkan untuk kegemilangan ummah di masa hadapan.

RUJUKAN

- Asmawati Suhid, Mohd Faizal Mohd Zain, Abdul Muhsin Ahmad & Mohd Aderi Che Noh. (2013, Januari). Tahap Pengetahuan Murid Tentang Konsep Menutup Aurat: Suatu Tinjauan Umum. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(1), 40-47.
- Farahwahida Mohd Yusof & Nur Afzan Muhamad. (n.d.). Aurat Wanita Muslim Menurut Perspektif Islam: Penerimaan Dan Pengamalan Di Kalangan Masyarakat. 1-7.
- Mohd Nor Mamat. (1999, Februari). WANita, Eksploitasi dan Media Massa: Dedah Aurat Pengaruhi Fikiran dan Gaya Hidup . *Muslimah*, pp. 28-32.
- Suhid, A., Zain, M., Faizal, M., Ahmad, A. M., Noh, C., & Aderi, M. (2013). Tahap Pengetahuan Murid Tentang Konsep Menutup Aurat: Suatu Tinjauan Umum. *Online Journal of Islamic Education*, 1(1).
- Wan Norina Wan Hamat, Zaharah Hussin, Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff & Ahmad Arifin Sapar. (2013, Januari). Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Murid Islam Politeknik Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(1), 17-27.

- Saadah, I. (2012). Tahap kefahaman dan amalan terhadap kefarduan menutup aurat di kalangan pelajar di tiga buah sekolah menengah agama daerah Pekan. Unpublished degree project paper. pp. 1-68
- Nur Suhada, M. S. (2014). Pembangunan iklan kesedaran "covering aurah" menggunakan grafik computer 3D. Unpublished degree ilmiah exercise. pp. 1-84
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). Panduan pelaksanaan program bulan dakwah sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia. Retrieved August 31, 2016, from <http://jpnperak.moe.gov.my/jpn/attachments/article/1920/Panduan%20Bulan%20Dakwah%20Sekolah%20Sekolah%20KPM.pdf>
- Noor Aida, M., & Nasihah, H. (2015). Citra wanita Melayu dalam cerita animasi kanak-kanak Upin dan Ipin. *Journal of Education and Social Sciences*, 2, 137-149.
- Ruzain Syukur, M. (2015). Pendidik mesti hidupkan budaya Islam di sekolah. BH Online. Retrieved 31 August, 2016, from <http://www.bharian.com.my/node/104037>
- Tamuri, A. H., & Ajuhary, M. K. A. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu 'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43-56.